

0812

U 8251 DEB
MAHATHIR - TAIB R R R

KUCHING, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK **SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI** MELENYAPKAN SEGALA PRASANGKA MENGENAI HUBUNGANNYA YANG DIKATAKAN TIDAK MESRA DENGAN KETUA MENTERI TAN **SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.**

SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG PART1 PESAKA **BUMIPUTERA BERSATU(PBB) SARAWAK DI SINI HARI INI,** BELIAU MENYENTUH **SOAL** KENAPA BELIAU JARANG DATANG KE SARAWAK TERUTAMA TAHUN **INI.**

KATANYA, IA TIDAK ADA **KENA** MENGENA DENGAN HUBUNGANNYA YANG DIKATAKAN TIDAK BAIK DENGAN TAN **SRI HAJI ABDUL TAIB,** TETAPI OLEH BEBERAPA **SEBAB YANG** TIDAK DAPAT **DIELAKKAN,** BELIAU TIDAK BERPELUANG DATANG KE **KUCHING.**

SEBUAH MAJALAH **ASING,** FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW BARU-BARU **INI** ADA MELAPORKAN KONONNYA HUBUNGAN DATUK **SERI DR MAHATHIR DAN TAN SRI HAJI ABDUL TAIB** ADALAH TEGANG DAN MENJEJASKAN **JUGA HUBUNGAN KERAJAAN SARAWAK DENGAN KERAJAAN PUSAT.**

SEMASA BERUCAP DI HADAPAN KIRA-KIRA 6,000 HADIRIN, **PERDANA MENTERI MEMBERIKAN SEBAB-SEBAB** ITU SEPERTI **BELIAU DISERANG SAKIT JANTUNG AWAL TAHUN INI** DAN **DINASIHATI DOKTOR** SUPAYA **BEREHAT SELEPAS** MENJALANI **PEMBEDAHAN,** MENYEMPURNAKAN **TUGAS NEGARA DALAM CARA HARI KEBANGSAAN,** PERTABALAN YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH, **SUKAN SEA** DAN PERSIAPAN MENGHADAPI **PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR BULAN DEPAN. -- LAGI.**

1357MST 21 09 89

U B255 DEB
MAHATHIR - TAIB 2 KUCHING

MENURUTNYA, DENGAN KERANA **ITU,** BELIAU BUKAN SAHAJA TIDAK DAPAT MELAWAT KE SARAWAK MALAH **JUGA** KE KAWASAN **PARLIMENNYA, KUBANG PASU.** DAN SAMBIL BERJENAKA BELIAU BERKATA= **+SAYA HARAP** ORANG KUBANG PASU AKAN PILIH **SAYA SEKALI LAGI.+**

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH **SOAL** PEMERINTAHAN **DISARAWAK,** YANG **MENURUTNYA,** BERJALAN DENGAN BAIK DAN **KERAJAAN PILIHAN RAKYAT** ITU TELAH MEMERINTAH NEGERI **INI** DENGAN MEMBAWA **BANYAK KEMAJUAN.**

BAGAIMANAPUN MALANGNYA ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG TIDAK SENANG HATI DENGAN PROSES DEMOKRASI DAN CUBA **MERE BUT KUASA MELALUI CARA-CARA YANG HARAM DISISI UNDANG-UNDANG,** KATANYA.

BELIAU **BERKATA,** DALAM HAL **ITU,** KERAJAAN **PUSAT** TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESIAPA SAHAJA YANG CUBA **BERTINDAK MERE BUT KUASA DI LUAR** PROSES YANG **HALAL:**

+KERAJAAN PUSAT TETAP AKAN MENYOKONG DAN MEMBANTU KERAJAAN NEGERI PILIHAN RAKYAT DARIPADA SEBARANG PERCUBAAN UNTUK MELEMAHKANNYA. **KITA INGIN** BERSIKAP **ADIL** TETAPI JANGANLAH SESIAPA MENTAFSIRKAN SIKAP ADIL SEBAGAI **KELEMAHAN,+** TAMBAHNYA. -- **LAGI.**

1409MST 21 09 89

U 8256 DEB
MAHATHIR - TAIB 3 KUCHING

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** BERKATA MEMANG MENJADI KEUTAMAAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN **NASIONAL** DAN MENGUKUHKAN **LAGI** INTEGRASI ANTARA **SEMENANJUNG**, SARAWAK DAN SABAH.

TETAPI, BELIAU MENINGATKAN BAHAWA ADA PIHAK-PIHAK **TERTENTU**, **BAIKDARI** DALAM MAHU PUN **DARILUAR**, YANG **BEGITU KURANG SENANG DENGAN** PERPADUAN RAKYAT DAN NEGARA SEKARANG.

KATANYA, MEREKA **ITU** TIDAK **INGIN** MELIHAT NEGARA DAN RAKYAT **MAJU** DAN BERSATU TETAPI SEBALIKNYA BERPECAH BELAH. KERANA **ITU** MEREKA AKAN MELAKUKAN **APA SAJA** UNTUK MENANAMKAN PERASAAN TIDAK SENANG DAN SYAK WASANGKA **SESAMA RAKYAT**.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA AKAN MENGGUNAKAN **APAJUGA** TAKTXK UNTUK MENGANCAM PERPADUAN RAKYAT SEPERTI MEMBANGKITKAN PERKARA-PERKARA YANG **BOLEH** MEMBAWA PERASAAN IRI **HATI** SESAMA MASYARAKAT MALAYSIA.

MEREKA AKAN MEMBESAR-BESARAKAN PERBEZAAN **PENDAPAT**, YANG **SEMESTINYA** WUJUD DALAM MASYARAKAT DAN NEGARA YANG **MENGAMALKAN** **DEMOKRASI**, DAN MEREKA **JUGA** TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK **MELAGA-LAGAKAN** RAKYAT DAN UNTUK MEMBERI GAMBARAN BAHAWA RAKYAT TIDAK **SEALIRAN** DAN **SEPAKAT**, TAMBAHNYA. -- **LAGI**.

1411MST 21 09 89

D832

U B264 DEB
MAHATHIR - TAIB 4 KUCHING

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMUA RAKYAT NEGARA **INI MESTILAH** SENTIASA **BERJAGA-JAGA** DAN JANGAN TERPERANGKAP DENGAN TINDAK-TANDUK **GOLONGANINI** YANG KADANG-KALA BERTINDAK SECARA BERSENDIRIAN DAN ADA MASANYA BERTINDAK SECARA BERKUMPULAN.

+**TUJUAN** MEREKA BURUK IAITU UNTUK MEMECAHBELAMKAN PERPADUAN **KITA**, KHUSUSNYA PERPADUAN **DI** ANTARA SEMENANJUNG DENGAN SABAH DAN **SARAWAK**,+ KATA **PERDANA** MENTERI.

BELIAU BERKATA SEJAK NEGARA MERDEKA **PADA1957** DAN SEJAK SARAWAK DAN SABAH MENYERTAI SEMENANJUNG UNTUK **MENUBUHKAN** MALAYSIA **PADA1963**, NEGARA TELAH MENCAPI **PEMBANGUNAN** DAN KEMAJUAN TERMASUK **EKONOMI** YANG BEGITU PESAT.

KATANYA SABAH DAN SARAWAK YANG **KAYA** DENGAN PELBAGAI SUMBER **ALAM** TELAH MENGALAMI KEMAJUAN YANG LUAR **BIASA** DENGAN **SEGALAMACAM** KEMUDAHAN **ASAS** WALAUPUN BELUMLAH **SAMA** DENGAN **DI** SEMENANJUNG **DIMANA** PENDUDUK **LEBIH** RAMAI DAN KEADAAN MEMANG **LEBIH** BAIK SEMENJAK DAHULU **LAGI**.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN LEKA DAN LALAI **DI** TENGAH-TENGAH **KEMAKMURAN**, KEAMANAN DAN **DEMOKRASI** NEGARA KERANA IA AKAN **LENYAP** SEKIRANYA MEREKA TIDAK BERUSAHA MEMELIHARA KEADAAN **ITU** SUPAYA TERUS BERKEKALAN. -- **LAGI**.

1436MST 21 09 89

D839

U 8269 DEB
MAHATHIR - TAIB 5 KUCHING

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA TAN SRI HAJI ABDULTAIB YANG DIPILIH SEMULA TANPA BERTANDING SEBAGAI PRESIDEN PBB SERTA JUGA BARISAN PEMIMPIN TERTINGGI PART1 ITU .

KATANYA INI MENUNJUKKAN ANGGOTA PBB MENGUTAMAKAN KESTABILAN PART1 DAN PEMBANGUNAN DAN BUKAN UNTUK MEREbut KUASA KERANA MEREKA SEDAR JIKA ADA PERTANDINGAN PERPECAHAN DALAM PART1 MUNGKIN BERLAKU DAN IA SUKAR DIUBATI.

MENURUTNYA, DALAM PERTUBUHAN DUNIA ANTARABANGSA SEPERTI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KOMANWEL USAHA SENTIASA DIBUAT UNTUK MENGELAKKAN PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN.

APABILA TIDAK ADA PERTANDINGAN BUKANLAH BERMAKNA TIDAK ADA DEMOKRASI, TAMBAHNYA.

SEBELUM ITU, DALAM UCAPANNYA TAN SRI HAJI ABDUL TAIB BERKATA ANGGOTA PBB HENDAKLAH PANDA1 MEMILIH PEMIMPIN MEREKA DAN MEMASTIKAN PART1 ITU TIDAK MENJADI LANDASAN KEPADA MEREKA YANG HENDAK MEREbut KUASA BAGI KEPENTINGAN PERIBADI.

MENURUTNYA, MEREKA HENDAKLAH MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA YANG BERKALIBER, JUJUR DAN BIJAK DAN BUKANNYA KEPADA MEREKA YANG MENGGUNAKAN KEPANDAIANNYA UNTUK MEREbutKUASA, YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI +AHLI POLITIK PROFESIONAL+. -- LAGI.

1451MST 21 09 89

0840

U B270 DEB
MAHATHIR - TAIB 6 KUCHING

TAN SRI HAJI ABDUL TAIB JUGAMEMUJIPERDANA MENTERI SEBAGAI PEMIMPIN YANG LAYAK DICONTOHI OLEH ANGGOTA PBB KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR ADALAH SEORANG YANG BERCITA-CITA BESAR, BERSEMANGAT KERAS DAN BERANI TERUTAMA DALAM USAHANYA MEMBAWA NEGARA KE MERCU KEJAYAAN.

PADA MAJLIS PERASMIAN ITUJUGA, DATUK SERI DA MAHATHIR DITEPUNG TAWAR OLEH DUA ANGGOTA VETERAN PART1 PBB BAGI MENANDAKAN KESYUKURAN ATAS SELAMATNYA PERDANA MENTERI MENJALANI PEMBEDAHAN JANTUNG.

TURUT DITEPUNG TAWAR IALAH ISTERINYA DATIN SERI DATUK PADUKA DR. SITI HASMAH DAN TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN WAKIL-WAKIL PART1 KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

KIRA-KIRA 11300 ANGGOTA PERWAKILAN DAN PEMERHATI PART1 PBB AKAN BERSIDANG HARI INI DAN ESOK DALAM PERHIMPUNAN TIGA TAHUN SEKALI PART1 ITU DI SINI. -- BERNAMA.

1453MST 21 09 89